

SULIT



UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2014/2015**

NAMA KURSUS : STRUKTUR DAN FUNGSI
KOD KURSUS : BBR 37003
PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN
(SEKOLAH RENDAH)
TARIKH PEPERIKSAAN : JUN 2015 / JULAI 2015
JANGKA MASA : 3 JAM
ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI **EMPAT (4)** MUKA SURAT

SULIT


SULIT

BBR 37003

S1 Jantung merupakan organ penting haiwan. Ia berfungsi mengepam darah dan dihantar ke seluruh bahagian tubuh.

a) Berdasarkan Rajah S1 yang diberikan:

- i. Labelkan bahagian-bahagian jantung manusia berikut
- ii. Nyatakan fungsi bagi setiap bahagian yang dilabelkan.



Rajah S1

(10 markah)

b) Sebagai seorang guru Sains, anda mengetahui kesan mikroorganisma yang memasuki tubuh seseorang. Huraikan tindakan antigen-antibodi di dalam mempertahankan tubuh daripada terkena penyakit. Berikan beberapa contoh antibodi.

(10 markah)

SULIT

BBR 37003

- S2 a) Pernafasan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pernafasan internal dan pernafasan external. Pernafasan internal dibahagikan kepada dua jenis iaitu aerob dan anaerob. Bagaimanakah kedua-dua jenis pernafasan internal berlaku?

(10 markah)


- b) Fotosintesis adalah penting dalam pencernaan makanan khususnya kepada tumbuhan.

Huraikan proses fotosintesis berdasarkan kriteria-kriteria di bawah:

- Lukis dan labelkan struktur anatomi daun.
- Nyatakan fungsi bahagian yang dilabelkan.

(10 markah)

S3



Rajah S2

- a) Rajah S2 menunjukkan suatu neuron.
- Namakan neuron tersebut.
 - Dengan melukis semula rajah neuron N, labelkan anak panah arah gerakan impuls.
 - Namakan bahagian berlabel X. Apakah fungsi X?
 - Namakan satu organ yang mungkin bagi reseptor Y.

(5 markah)

SULIT

BBR 37003

- b) Lukiskan gambar rajah otak manusia. Labelkan setiap bahagian otak beserta fungsi bahagian-bahagian tersebut.
(5 markah)
- c) Huraikan mekanisma tindakan refleks. Berikan dua contoh untuk menerangkan tindakan refleks yang berlaku pada manusia.
(10 markah)
- S4**
- a) Apakah yang dimaksudkan dengan feromon? Berikan dua contoh kegunaan feromon kepada haiwan-haiwan tertentu.
(5 markah)
- b) Jelaskan lima jenis hormon tumbuhan. Nyatakan juga lokasi di mana hormone tersebut ditemui dan huraikan fungsinya.
(15 markah)
- S5**
- a) Spermatogenesis adalah proses pembentukan sperma di dalam sistem pembiakan lelaki. Spermatogenesis terbahagi kepada tiga fasa iaitu fasa penggandaan, fasa pertumbuhan dan fasa perkembangan. Terangkan fasa-fasa tersebut.
(10 markah)
- b) Anda mengajar murid-murid perempuan di sebuah sekolah rendah. Tiba-tiba murid anda mengadu mengalami pendarahan. Jelaskan kepada murid anda berkenaan kitar haid. Huraikan hormon-hormon yang terlibat.
(10 markah)

- SOALAN TAMAT -